

# KSK Land lancar pembinaan hotel

**KUALA LUMPUR 9 Mac** - KSK Land berganding bahu dengan Kempinski Hotels melancarkan pembinaan Hotel Kempinski yang merupakan sebahagian daripada pembangunan 8 Conlay dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM5.4 bilion termasuk Kempinski Residences.

Ketua Pegawai Eksekutif KSK Group Berhad, Joanne Kua berkata,

hotel ber taraf lima bintang itu bakal menyediakan 260 bilik dan 300 suite perkhidmatan di menara setinggi 68 tingkat yang dijangka bakal menarik minat pelancong dan pelabur

domestik serta antarabangsa.

Menurut beliau, projek itu juga bakal mewujudkan aspek positif kepada pendapatan negara kasar dengan menyediakan lebih 700 peluang pekerjaan serta nilai komitmen pelaburan tidak termasuk kos tanah dijangka berjumlah kira-kira RM360 juta menjelang 2020.

"Pembangunan 8 Conlay akan membantu menyokong matlamat negara dengan menarik lebih ramai pelancong dan pelabur dalam usaha menjana pertumbuhan sektor pelancongan negara.



JOANNE KUA



"Justeru, usaha seperti ini akan meningkatkan daya saing dan mengukuhkan kedudukan negara sebagai destinasi pilihan dalam pelbagai aspek seterusnya mampu membaritu merangsang ekonomi negara," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Projek yang dibangunkan di atas tanah seluas 1.6 hektar itu dijangka siap sepenuhnya menjelang 2020 selaras dengan permintaan negara yang memerlukan kira-kira 37,000 bilik hotel bertaraf empat dan lima bintang baharu.

LAKARAN grafik  
pembangunan 8  
Conlay.